

# **LAPORAN TAHUNAN AUDIT DALAM TAHUN 2018**



**UNIT AUDIT DALAM  
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN**



Unit Audit Dalam  
Majlis Perbandaran Seremban  
Laporan Tahunan Audit Dalam 2018

# KANDUNGAN

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>1.</b>	<b>Perutusan Dato' Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban</b>	<b>5</b>
<b>2.</b>	<b>Penghargaan Unit Audit Dalam</b>	<b>7</b>
<b>3.</b>	<b>Peranan Unit Audit Dalam</b>	<b>9</b>
<b>4.</b>	<b>Carta Organisasi Unit Audit Dalam</b>	<b>11</b>
<b>5.</b>	<b>Ringkasan Aktiviti Pengauditan</b>	<b>13</b>
<b>6.</b>	<b>Pengauditan Inspektorat Keselamatan</b>	<b>16</b>
<b>7.</b>	<b>Pengauditan Pengurusan Gerai / Pasar Majlis Perbandaran Seremban</b>	<b>18</b>
<b>8.</b>	<b>Pengauditan EKSA</b>	<b>24</b>
<b>10.</b>	<b>Pengauditan Pengurusan Aset Alih Dan Pengurusan Stor</b>	<b>25</b>
<b>11.</b>	<b>Pengauditan Stor Alat Muzik</b>	<b>28</b>
<b>12.</b>	<b>Pengauditan Buku Rekod Perkhidmatan</b>	<b>31</b>
<b>13.</b>	<b>Pengauditan Fail Meja</b>	<b>33</b>



Unit Audit Dalam  
Majlis Perbandaran Seremban  
Laporan Tahunan Audit Dalam 2018

<b>14.</b>	<b>Pengauditan Penyelarasan Aset Alih (Harta Modal)</b>	<b>34</b>
<b>15.</b>	<b>Pengauditan Piagam Pelanggan</b>	<b>39</b>
<b>16.</b>	<b>Pengauditan Buku Log Kenderaan</b>	<b>43</b>
<b>17.</b>	<b>Pengauditan Fail Sulit, Dokumen Rasmi Dan Buku Am 492A Dan 492B</b>	<b>43</b>
<b>18.</b>	<b>Pengauditan Pemeriksaan Mengejut</b>	<b>45</b>
<b>19.</b>	<b>Pengauditan Baucer Bayaran</b>	<b>48</b>
<b>20.</b>	<b>Pengauditan Daftar Bil</b>	<b>51</b>
<b>21.</b>	<b>Pengauditan Pengurusan Gerai Dan Pasar Majlis Perbandaran Seremban Oleh Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan</b>	<b>52</b>
<b>22.</b>	<b>Pengauditan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)</b>	<b>56</b>
<b>23.</b>	<b>Pengauditan Pensijilan MS ISO 9001:2015 Oleh SIRIM</b>	<b>59</b>



Unit Audit Dalam  
Majlis Perbandaran Seremban  
Laporan Tahunan Audit Dalam 2018

**PERUTUSAN  
DATO' YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN**



Unit Audit Dalam  
Majlis Perbandaran Seremban  
Laporan Tahunan Audit Dalam 2018

# PERANAAN UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam Majlis Perbandaran Seremban telah diwujudkan pada tahun 2010 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2004. Jenis pengauditan yang dijalankan adalah Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengurusan Pentadbiran, Pengurusan Prestasi, Pengauditan Amalan Persekitaran Berkualiti EKSA dan Pengauditan Pengurusan MS ISO 9001:2015.

Peranan utama Unit Audit Dalam adalah seperti berikut:

- i) Memeriksa, menganalisis dan melaporkan prestasi jabatan berasaskan kepada:
  - Pekeliling Perbendaharaan
  - Pengurusan Sumber Manusia
  - Pengurusan Sumber Kewangan
  - Pengurusan Sumber Material & Peralatan Sokongan
  - Pentadbiran Am
- ii) Pemeriksaan kawalan hasil dan penjagaan wang awam. ✓
- iii) Pemeriksaan kawalan dan pembayaran serta penggunaan wang awam. ✓
- iv) Memantau pemeriksaan mengejut yang dijalankan oleh Jabatan. ✓
- v) Pengauditan ke atas semua prosedur yang dipersijilkan MS ISO 9001:2015. ✓
- vi) Pengauditan Amalan Persekitaran Berkualiti EKSA. ✓
- vii) Penyelaras Pengauditan Pengurusan Kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti. ✓
- vii) Penyelaras Integriti Majlis Perbandaran Seremban. ✓



Unit Audit Dalam  
Majlis Perbandaran Seremban  
Laporan Tahunan Audit Dalam 2018

# **CARTA ORGANISASI UNIT AUDIT DALAM**



Unit Audit Dalam  
Majlis Perbandaran Seremban  
Laporan Tahunan Audit Dalam 2018

# **RINGKASAN AKTIVITI PENGAUDITAN**

<b>BIL</b>	<b>AKTIVITI / PROGRAM AUDIT</b>
1	Pengauditan Inspektorat Keselamatan
2	Pengauditan Pengurusan Gerai / Pasar Majlis Perbandaran Seremban
3	Pengauditan EKSA
4	Pengauditan Pengurusan Aset Alih Dan Pengurusan Stor
5	Pengauditan Stor Alat Muzik
6	Pengauditan Buku Rekod Perkhidmatan
7	Pengauditan Fail Meja
8	Susulan Pengauditan Baucer Bayaran
9	Pengauditan Penyelarasan Aset Alih (Harta Modal)
10	Pengauditan Piagam Pelanggan
11	Pengauditan Buku Log Kenderaan



Unit Audit Dalam  
Majlis Perbandaran Seremban  
Laporan Tahunan Audit Dalam 2018

BIL	AKTIVITI / PROGRAM AUDIT
12	Pengauditan Pemeriksaan Mengejut
13	Pengauditan Baucer Bayaran
14	Pengauditan Daftar Bil
15	Pengauditan Pengurusan Gerai Dan Pasar Majlis Perbandaran Seremban Oleh Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan
16	Pengauditan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
17	Pengauditan Pensijilan MS ISO 9001:2015 Oleh SIRIM



## 2. PENGAUDITAN PENGURUSAN GERAI / PASAR MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

Pengauditan Pengurusan Gerai / Pasar Majlis Perbandaran Seremban telah di jalankan pada 5 hingga 22 Februari 2018 di lokasi terpilih dan penemuan pengauditan oleh Unit Audit Dalam adalah seperti berikut:-

### 2.1. KEROSAKAN GERAI / PASAR

Lawatan audit di beberapa gerai / pasar Majlis Perbandaran Seremban, mendapati banyak kerosakan pada bangunan dan peralatan seperti pili air rosak, lantai di kaki lima telah pecah dan retak serta bumbung koridor yang telah rosak yang tidak dibaiki dan diselenggara dengan baik oleh jabatan. Rujuk Gambar 1.1 hingga 1.4.

**GAMBAR 1.1**



Pasar Ampangan  
Pili Air Rosak

**GAMBAR 1.2**



Medan Selera Ampangan  
Lantai Pecah

**GAMBAR 1.3**



Pasar Rasah Jaya  
Lantai Retak

**GAMBAR 1.4**



Gerai Pejabat Kraftangan  
Bumbung Rosak

Pada pendapat Audit, semua kerosakan pada bangunan dan peralatan yang tidak berfungsi dan rosak hendaklah dibaiki dengan segera. Rekod pemantauan penyenggaraan juga hendaklah diwujudkan bagi memastikan semua peralatan berada di dalam keadaan baik. Dicadangkan juga supaya mempamerkan pegawai yang bertanggungjawab pada bangunan tersebut supaya memudahkan penyewa menghubungi dengan segera sekiranya ada kerosakan.

**Kedudukan Semasa : Tindakan Pembetulan Telah Diambil**

## 2.2. KEBERSIHAN GERAI / PASAR TIDAK MEMUASKAN

Hasil daripada pemeriksaan gerai / pasar yang telah dijalankan, pihak Audit mendapati sebilangan penyewa tidak menjaga kebersihan di kawasan gerai / pasar. Semakan dengan perjanjian juga ada menyatakan bahawa semua penyewa perlulah memastikan kebersihan di tempat perniagaan. Rujuk Gambar 1.5 hingga 1.8.

**GAMBAR 1.5**



Gerai Stadium Tuanku Abdul Rahman  
Peralatan Berniaga dan Lantai  
Tidak Dibersihkan

**GAMBAR 1.6**



Gerai Kompleks Jalan Lee Sam  
Anjing Berkeliaran

**GAMBAR 1.7**



Pasar Ampangan  
Gerai Kosong Tidak Dibersihkan

**GAMBAR 1.8**



Pasar Ampangan  
Gerai Dipenuhi Dengan Sampah

Pada pendapat Audit, pemantauan berkala dan tindakan penguatkuasaan hendaklah dipertingkatkan dengan mengeluarkan notis kepada penyewa bagi memastikan gerai berada dalam keadaan kemas dan bersih..

**Kedudukan Semasa : Tindakan Pembetulan Telah Diambil**

### 2.3. TANDAS TIDAK DISELENGGARA DENGAN BAIK

Berdasarkan kepada Gambar 1.9 hingga 1.12 keadaan tandas di Pasar Ampangan dan Pasar Rasah Jaya tidak memuaskan dan tidak diselenggara dengan baik oleh jabatan.

**GAMBAR 1.9**



Tiada Pili Air

Pasar Ampangan

**GAMBAR 1.10**



Pintu Tandas Rosak

**GAMBAR 1.11**



Tiada Tombol Pintu

Pasar Rasah Jaya

**GAMBAR 1.12**



Penutup Pam Air Rosak

Pada pendapat Audit, kerosakan perlu dibaiki dengan segera bagi memastikan tandas di dalam keadaan baik.

**Kedudukan Semasa : Tindakan Pembetulan Telah Diambil**

### 2.4. MENIAGA TIDAK MENGIKUT KETETAPAN LESEN

Semakan audit mendapati, terdapat penyewa yang menjalankan perniagaan tidak mengikut ketetapan lesen perniagaan yang diluluskan. Rujuk Jadual 1.1.

**JADUAL 1.1**

Bil	Lokasi Premis	Jenis Perniagaan	Perniagaan Semasa Diaudit
1.	12 Pasar Rasah Jaya	Kelapa	Pelbagai Barangan

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu memastikan peniaga tidak menjalankan perniagaan selain dari ketetapan di dalam lesen perniagaan yang diluluskan.

**Kedudukan Semasa : Tindakan Pembedulan Telah Diambil**

## 2.5. MENJALANKAN PERNIAGAAN DI LUAR PETAK

Semakan audit mendapati, tiada pemantauan dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab dan menyebabkan terdapat penyewa yang menjalankan perniagaan di luar petak seperti di Gambar 1.13 hingga 1.14.

**GAMBAR 1.13**



**GAMBAR 1.14**



Pada pendapat Audit, notis amaran perlu diberikan kepada penyewa yang berniaga di luar petak dan pemantauan berkala perlu dibuat bagi memastikan perkara ini tidak berlaku. Ini juga boleh menyebabkan laluan menjadi sempit.

**Kedudukan Semasa : Tindakan Pembedulan Telah Diambil**

## 2.6. PENYEWA BERSTATUS INAKTIF MASIH MENJALANKAN PERNIAGAAN

Semakan audit terhadap pengauditan yang dijalankan pada 5 hingga 22 Februari 2018 mendapati terdapat penyewa yang berstatus inaktif masih menjalankan perniagaan dan tiada lesen perniagaan juga. Perkara ini seharusnya tidak berlaku kerana ini menyebabkan kerugian hasil. Rujuk Jadual 1.2.

**JADUAL 1.2**

<b>Bil.</b>	<b>Lokasi Gerai</b>	<b>No. Gerai</b>	<b>Nama Penyewa</b>
1	Pasar Rasah Jaya	Gerai No. 27	Rajakumar A/L K. Soolai
2		Gerai No. 36	Albert James A/L Sesu
3	Medan Selera Ampangan	Gerai No. 33	Muhamad Nazim Bin Mohamed Noor
4		Gerai No. 30	Salawati Binti Paijo
5		Gerai No. 32	Osman Bin Abdul Rasyid
6		Gerai No. 40	Muhammad Bin Salleh
7		Gerai No. 21	Siti Fatimah Binti Abdul Rahman
8		Gerai No. 17	Rosma Binti Ahmad
9		Gerai No. 44	Syed Mubarak Bin Mashor
10		Gerai No. 58	Nor Syafinaz Binti Yahaya
11		Gerai No. 20	Saharudin Bin Bakhtiar
12		Gerai No. 45	Mohd Azhar Bin Nawawi
13		Gerai No. 12	Raihana Binti Mohd Jamaluddin
14		Gerai No. 58	Noreen Binti Ismail
15		Gerai No. 46	Mohd Faizzudin Bin Idris
16		Kompleks Jalan Lee Sam	Gerai No.76
17	Gerai No.80		Shia Yoke Loi @ Chia Yit Lai
18	Gerai No.21		Puspvathy A/P Varumugam
19	Gerai No.34		Teo Sook Ngoh
20	Gerai No.32		Ho Kok Chung
21	Gerai No.79		Tee Ngah Eng
22	Stadium Tuanku Abdul Rahman	Gerai No.4	Mohd Ali Bin Hasbullah

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan perlu dibuat serta-merta oleh Jabatan Pelesenan & Pembersihan bagi memastikan penyewa yang berstatus aktif dan mempunyai lesen perniagaan sahaja dibenarkan berniaga.

**Kedudukan Semasa : Tindakan Pembetulan Telah Diambil**

## 2.7. PENGURUSAN KUTIPAN SEWA KURANG MEMUASKAN

Semakan audit mendapati, terdapat beberapa penyewa yang mempunyai tunggakan sewa melebihi tiga bulan. Merujuk kepada perjanjian sewaan tindakan perlu di ambil terhadap penyewa-penyewa yang mempunyai tunggakan yang melebihi tiga bulan. Walaubagaimanapun, ketika pengauditan dijalankan terdapat penyewa yang masih berniaga. Rujuk Jadual 1.3.

**JADUAL 1.3**

<b>Lokasi Gerai</b>	<b>Nama Penyewa</b>	<b>No. Gerai</b>	<b>Tunggakan (RM)</b>
Medan Selera Ampangan	Razilah Binti Yusof	18	1,367.40
	Nor Azmi Bin Ibrahim	51	6,181.20
	Zaleha Binti Samat	56	1,823.20
	Mohd Radzuan Lizam	43	2,734.80
	Maznah Binti Md Yusof	67	8,204.40
	Mohammad Nor Bin Ismail	66	1,337.40
	Ishak Bin Adam	59	2,390.40
	Zainal Abiddin Bin Harun	22	1,367.40
Terminal 1	Cekap Ekspress Snd Bhd	9	1,590.00
	Wan Mohd Saidi Bin Mustaf	k3-06	10,176.00
	Sakdiah Binti Mohamad	k3-02	5,088.00
	Rogayah Binti Said	KR2-6	5,088.00
Kiosk Stadium, Paroi	Mohd Sham Bin Mohd Basri	1	583.00

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu menyemak dan memberikan notis kepada penyewa yang mempunyai tunggakan yang melebihi tiga bulan.

**Kedudukan Semasa : Tindakan Pembetulan Telah Diambil**

## **17. PENGAUDITAN PENSIJILAN MS ISO 9001:2015**

Pada Disember 2018, Majlis Perbandaran Seremban telah menjemput pihak SIRIM untuk menjalankan pengauditan Pensijilan MS ISO 9001: 2015 untuk memperbaharui sijil yang hampir tamat tempoh.

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan, Majlis Perbandaran Seremban layak untuk meneruskan Pensijilan. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa Ketakakuran dan Peluang Penambahbaikan yang perlu diambil tindakan pembedulan.

### **17.1 ANALISIS DAN PENILAIAN**

- i. Semasa pengauditan mendapati organisasi tidak melaksanakan dan mempunyai senarai pembekal luar dan tidak menyediakan analisis dan penilaian ke atas pembekal luar.
- ii. Penilaian pembekal juga tidak konsisten dilaksanakan.

**Kedudukan Semasa: Tindakan Pembedulan Telah Diambil**

### **17.2 PRASARANA**

Perkhidmatan CCTV yang diselenggara oleh Jabatan Teknologi Maklumat adalah dalam keadaan baik, walaubagaimanapun keseragaman masa pada CCTV tersebut boleh dilihat kembali dan diambil dari sumber yang tepat. Sela masa adalah 11 minit lebih awal dari masa sebenar.

**Kedudukan Semasa: Tindakan Pembedulan Telah Diambil**

### **17.3 PERSEKITARAN UNTUK OPERASI PROSES**

Terdapat kotak-kotak yang disimpan di dalam Pusat Data, organisasi boleh melihat kembali dari segi risiko kepada bahaya persekitaran (hazard).

**Kedudukan Semasa: Tindakan Pembedulan Telah Diambil**

### **17.4 KEKOMPETENAN**

Latihan diberikan kepada anggota kerja dan telah mencapai objektif kualiti yang dikeluarkan oleh Majlis, Walaubagaimanapun, dilihat penilaian kepada anggota kerja yang pulang berkursus lebih daripada 3 bulan tidak konsisten dinilai dan diisi oleh Ketua Jabatan di dalam borang Penilaian Peserta Kursus.

**Kedudukan Semasa: Tindakan Pembedulan Telah Diambil**

<b>Bil</b>	<b>Inovasi Dicipta/ Pengiktirafan diterima</b>	<b>Tahun Terima Anugerah</b>
1.	Pencapaian pelaksanaan KPI HRMIS Tahun 2017 5 bintang.	2017
2.	Anugerah Perak Kategori PBT (Bandaraya/Perbandaran) Tandas Awam Taman Orkid Jalan Keliling Seremban.	2017
3.	Inisiatif Kejiranan Hijau, Pengiktirafan Seremban Half Marathon selama 30 Tahun Penganjuran.	2017
4.	Pengiktirafan Jabatan Audit Negara Di atas Komitmen Menyelesaikan Teguran Audit Dalam Pengurusan Papan Iklan Luar Di Tanah Dan Rizab Kerajaan.	2017

Manakala, antara penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seremban adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Kelemahan Yang Dikenalpasti Dan Syor Penambahbaikan</b>
1.	<p><b>Kriteria 4: Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk</b></p> <p>i. Dari segi pelaporan perbelanjaan, MPS dicadangkan mewujudkan pengkhususan kod perbelanjaan bagi Program Komuniti, ia bagi memudahkan laporan perbelanjaan dijana pada bila-bila masa diperlukan. (Real Time)</p> <p>ii. Pemantauan berkala dibuat ke atas setiap JPP yang mewakili zon bagi memastikan kepatuhan kepada ketetapan mengadakan mesyuarat JPP sekurang-kurangnya diadakan 4 kali dalam setahun.</p>

**Kedudukan Semasa: Tindakan Pembetulan Telah Diambil**



## **17.5 TINDAKAN MENYATAKAN RISIKO DAN PELUANG**

Risiko telah dikenalpasti, dianalisa dan diambil tindakan berdasarkan prosedur dan bukannya halatuju strategik jabatan. Oleh itu pelan tindakan yang dicadangkan tidak dapat dibuktikan kerana terkawal dengan prosedur. Peluang masih belum dikenalpasti.

**Kedudukan Semasa: Tindakan Pembetulan Telah Diambil**

## **17.6 OBJEKTIF KUALITI DAN PERANCANGAN UNTUK MENCAPAINYA**

Beberapa objektif kualiti dan petunjuk prestasi boleh dikaji semula sesuai pada fungsi, aras, proses yang diperlukan untuk sistem pengurusan kualiti berdasarkan konsep SMART bagi memenuhi keperluan pelanggan dan bukan mengukur kerja sendiri/ organisasi.

**Kedudukan Semasa: Tindakan Pembetulan Telah Diambil**

## **17.7 MENENTUKAN SKOP SISTEM PENGURUSAN KUALITI**

Skop sistem pengurusan kualiti MPS hendaklah tersedia dan diselenggarakan sebagai maklumat didokumentasikan. Skop ini hendaklah menyatakan jenis produk dan perkhidmatan yang diliputinya berdasarkan carta fungsi MPS secara menyeluruh.

**Kedudukan Semasa: Dilaksanakan selepas isytihar Bandaraya 2020**

## **17.8 HARTA KEPUNYAAN PELANGGAN ATAU PENYEDIA LUAR**

Mekanisme pemeliharaan harta kepunyaan pelanggan atau penyedia luar semasa harta itu di bawah kawalan atau digunakan oleh MPS boleh diwujudkan.

**Kedudukan Semasa: Tindakan Pembetulan Telah Diambil**

## **17.9 KAWALAN PENYEDIAAN PENGELUARAN DAN PERKHIDMATAN**

- a. Perancangan Jabatan Penguatkuasaan bagi Tahun 2018 masih menggunakan perancangan Tahun 2017 tanpa sebarang arahan bertulis dikeluarkan.
- b. Pengurusan Fail perlu dikuatkuasakan berdasarkan pekeliling pengurusan fail rasmi kerajaan bagi mengelakkan kesilapan dalam pengurusan fail

**Kedudukan Semasa: Tindakan Pembetulan Telah Diambil**

#### **17.10 KETAKAKURAN DAN TINDAKAN PEMBETULAN**

- a. Tindakan dan siasatan terhadap aduan telah dilaksanakan, namun kemaskini terhadap status dan penutupan perlu ditingkatkan. Terdapat sampel aduan yang mengambil masa terlalu lama untuk ditutup selepas tindakan dilaksanakan.
- b. Maklumat tindakan juga perlu didokumenkan dengan lebih baik ke dalam system.

**Kedudukan Semasa: Tindakan Pembetulan Telah Diambil**

#### **17.11 KAWALAN PENYEDIAAN PENGELUARAN DAN PERKHIDMATAN**

Pelaksanaan aktiviti pemantauan pada tahap yang sesuai boleh dikenalpasti supaya keakuran perkhidmatan dipenuhi.

**Kedudukan Semasa: Tindakan Pembetulan Telah Diambil**

#### **17.12 ANALISIS DAN PENILAIAN**

Organisasi telah menetapkan objektif kualiti bagi pengendalian aduan awam, namun analisa yang dilaporkan tidak bertepatan dengan objektif tersebut.

**Kedudukan Semasa: Tindakan Pembetulan Telah Diambil**